

**GARIS PANDUAN
LAPORAN PEMANTAUAN MINGGU 8
PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

1.0 PENDAHULUAN

Berdasarkan Pelan Strategik UPSI, universiti perlu memantau kualiti pensyarah dalam melaksanakan PdP. Laporan Pemantauan Minggu 8 (LPM8) ini bertujuan untuk memantau perkembangan pelajar dan sesi PdP sepanjang tujuh minggu pertama semester pengajian. Ia juga dapat membantu pensyarah memantau perjalanan kursus dari aspek kehadiran, pencapaian akademik serta kemahiran insaniah pelajar dengan lebih sistematik. Modul laporan penilaian ini dibangunkan oleh Pusat Pembangunan Akademik (PPA) dengan kerjasama Unit MyGuru, Pusat ICT. Pemantauan ini wajib dilengkапkan oleh semua pensyarah dalam tempoh masa yang ditetapkan.

2.0 TUJUAN

Memberikan maklumat berkenaan perincian dan perihal laporan pemantauan minggu 8 kepada kakitangan akademik dan bukan akademik di fakulti atau pusat tanggungjawab yang terlibat di UPSI.

3.0 MAKLUMAT UMUM PROGRAM

- 3.1 LPM8 dilaksanakan ke atas semua kursus di bawah program Diploma arus perdana sahaja kecuali kursus Latihan Industri, Latihan Mengajar, dan Projek Tahun Akhir.
- 3.2 LPM8 dilaksanakan ke atas semua kursus di bawah program Sarjana Muda arus perdana sahaja kecuali kursus Latihan Industri, Latihan Mengajar, dan Projek Tahun Akhir.
- 3.3 LPM8 dilaksanakan ke atas semua kursus di bawah program Sarjana arus perdana sahaja.

4.0 MEDIUM PELAKSANAAN LAPORAN PEMANTAUAN MINGGU 8 DALAM SYSTEM MyGURU

- 4.1 LPM8 dalam sistem MyGuru dibangunkan oleh Unit MyGuru, Pusat ICT.
- 4.2 Pensyarah melengkapkan LPM8 melalui portal MyGuru di bawah modul Week 8 Monitoring (rujuk Lampiran 1).
- 4.3 Ketua Jabatan/ Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) melaksanakan proses menilai, mengulas, meluluskan atau menolak laporan pemantauan.
- 4.4 Dekan menyokong dan mengesahkan laporan yang telah dilengkapan.

5.0 MAKLUMAT LAPORAN

Terdapat tiga aspek utama yang ditekankan dalam LPM8 ini. Aspek tersebut adalah seperti yang tercatat di Jadual 1.

Jadual 1

No.	Aspek	Perincian
1.	Kehadiran	<p>Tiga kriteria ditekankan dalam aspek kehadiran ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Laporan dan Analisis <ul style="list-style-type: none"> - merangkumi laporan dan analisis kehadiran keseluruhan pelajar serta ketidakhadiran pelajar secara terperinci. - Tindakan Pencegahan <ul style="list-style-type: none"> - merangkumi tindakan pencegahan yang diambil bagi memastikan masalah ketidakhadiran pelajar tidak berlaku. - Tindakan Pembetulan <ul style="list-style-type: none"> - Merangkumi tindakan yang diambil ke atas pelajar yang tidak hadir.
2.	Pencapaian Akademik Pelajar dan/atau Kemahiran Insaniah	<p>Tiga kriteria ditekankan dalam aspek Pencapaian Akademik Pelajar dan/atau Kemahiran Insaniah ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Laporan dan Analisis <ul style="list-style-type: none"> - Laporan tugasan dan pentaksiran yang diberikan atau yang telah selesai di samping status pencapaian hasil pembelajaran. - Tindakan Pencegahan <ul style="list-style-type: none"> - merangkumi tindakan yang diambil bagi memastikan pelajar lemah dibimbing dan diberi peluang untuk penambahbaikan diri. - Tindakan Pembetulan <ul style="list-style-type: none"> - merangkumi tindakan yang diambil ke atas pelajar yang lemah dalam kemahiran dan kefahaman kursus.
3.	Rumusan	<ul style="list-style-type: none"> - Pernyataan tentang rumusan keseluruhan perjalanan proses PdP sehingga Minggu 7. -

*bagi aspek Kehadiran dan Pencapaian Akademik Pelajar dan/atau Kemahiran Insaniah, pensyarah boleh menyenaraikan senarai pelajar yang menghadapi masalah dalam aspek tersebut.

6.0 PENGURUSAN LAPORAN PEMANTAUAN MINGGU 8

6.1 Hebahana kepada pensyarah

- 6.1.1 PPA membuat hebahana bagi pengisian LPM8 oleh pensyarah pada minggu ke 7 semester pengajian melalui emel.
 6.1.2 Tempoh selama dua minggu diberikan untuk pensyarah melengkapkan LPM8.

6.2 Pengurusan oleh pentadbiran

- 6.2.1 PPA membuat hebahana berkenaan LPM8.
 6.2.2 TDA/ Ketua Jabatan mengingatkan semua pensyarah untuk melengkapkan LPM8.
 6.2.3 Pensyarah melengkapkan LPM8 di platform MyGuru bermula minggu 8 sehingga minggu 9 semester pengajian.
 6.2.4 TDA/ Ketua Jabatan menilai, mengulas serta meluuskan atau menolak laporan pemantauan bermula minggu 8 sehingga minggu 11 semester pengajian.
 6.2.5 Sekiranya LPM8 ditolak oleh TDA/ Ketua Jabatan, pensyarah perlu menambahbaik laporan berdasarkan ulasan TDA/ Ketua Jabatan sehingga minggu 11 semester pengajian.

7.0 PELAKSANAAN LAPORAN PEMANTAUAN MINGGU 8

7.1 Tempoh Pelaksanaan LMP8

LMP8 dilaksanakan untuk memantau prestasi pembelajaran 7 minggu awal semester pembelajaran. Bagi tempoh melengkapkan laporan, perincian tempoh pelaksanaan adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2

No	Perihal	Tempoh
1.	Hebahana berkenaan LPM8	Minggu 7
2.	Pengisian LPM8 oleh pensyarah	Minggu 8-9
3.	Tindakan TDA/ Ketua Jabatan	Minggu 8-11
4.	Tindakan penambahbaikan LPM8 oleh pensyarah* *untuk kursus berstatus reject	Minggu 8-11